



TERBITAN  
101

2024  
14 JUN

## SIDANG REDAKSI

Penasihat:  
**Ooi Kee Beng**

Penyunting:  
**Izzuddin Ramli**

Penolong Penyunting:  
**Rahida Aini**

Pereka Grafik:  
**Nur Fitriah**

© Hak cipta adalah milik  
pengarang.

Segala fakta dan pendapat  
adalah di bawah  
tanggungjawab pengarang.  
Pandangan dan tafsiran  
pengarang tidak semestinya  
mencerminkan pandangan  
rasmi penerbit.

Penerbitan semula karya ini  
adalah dengan izin  
pengarang.

**PENANG**  
INSTITUTE  
making ideas work

10 Brown Road  
10350 George Town  
Penang, Malaysia

(604) 228 3306  
www.penanginstitute.org  
suaranadi@penanginstitute.org

# SUARANADI

PENANG INSTITUTE

## Memetik Cerita Pada Jalan

Izzuddin Ramli

TIDAK banyak kata antara aku dan ayah. Sejak kecil, perbualan kami ringkas, singkat, dan langsung ke agenda. Dia tidak gemar berlengah-lengah ketika berbicara. Malah, sejauh cerapanku, dia tidak mampu untuk duduk dan bertukar buah fikiran, atau mengomel tentang hal-hal yang tidak mendesak semisal muzik, filem, dan sastera. Jadi, untuk menghilangkan rasa canggung ketika makan bersama di meja, dia akan memecah kesunyian dengan bertanya tentang sekolah, atau lebih khusus tentang tahap kemampuanku dalam matematik.

Hari ini, ketika sesekali pulang menjenguk, di meja makan yang sama, ayah membuka mulut dan menyiasat tentang pekerjaanku. Sampai ke saat ini belum ada jawapan yang puas baginya. Namun demikian, ada seperkara di luar kelembaman hal-hal harian yang paling gemar dia ceritakan: serpihan-serpihan pengalamannya ketika menjadi seorang askar, atau lebih khusus pengalamannya mengikuti operasi membanteras Komunis di tengah-tengah hutan Gerik, di negeri Perak.

Setelah tamat sekolah pada tahun 1960-an, ayah terus berangkat menaiki bas dari kampungnya di Terengganu ke Port Dickson untuk menjalani latihan ketenteraan di kem tentera darat di sana selama lebih kurang dua tahun. Sebaik tamat mengikuti

latihan, dia masuk bertugas sebagai prebet, dan tidak lama kemudian menjadi sarjan di Rejimen Semboyan Askar Melayu Diraja, sehingga dia pencen 12 tahun kemudian. Ketika bercerita tentang kepayahan-kepayahan yang dilaluinya apabila terpaksa berpindah-pindah kem—sekejap di Kuching, sekejap di Alor Star, dan sekejap di Pengkalan Chepa—riak wajah dan nada suaranya terpancar rasa bangga, bagaikan tiada hal lain lagi yang boleh dia banggakan.

Ayah bercerita tentang bagaimana dia pernah berjalan sambil memikul beban beg dan senapan M-16 sejauh beratus-ratus kilometer, terjun dari perut pesawat Hercules, dan tersadai di hutan teman-teman seangkatan dengan bekalan makanan yang hanya cukup untuk dua atau tiga kali makan. Dia gemar mengulang cerita bahawa di hutan tebal Gerik, nasibnya baik kerana beberapa kali terlepas daripada terkena jerangkap samar sewaktu menghalau Komunis ke sempadan Malaysia-Thailand.

Ayah tidak selalu mengungkit cerita-cerita kepahlawanannya, dan jika diceritakan sekalipun, perkara itu hanya terjadi di jalan raya, atau lebih tepat di jalan raya yang menyambungkan pantai timur dan utara, melalui daerah Jeli, Gerik, Pengkalan Hulu, dan Baling. Setiap kali melewati jalan raya yang panjangnya lebih daripada 200 kilometer itu, ayah semacam masuk ke

dalam kapsul masa, kembali ke tahun 1967, ketika jalan dua lorong itu mula dibina. Kata ayah, selain mempercepatkan perhubungan antara wilayah Kelantan, Perak, dan Kedah, tujuan Tunku Abdul Rahman menarah hutan dan membangunkan Jalanraya Timur-Barat adalah untuk memerangi gerila Komunis yang pada ketika itu giat keluar masuk hutan.

Kerja-kerja pembinaan jalan tersebut mengambil masa selama 20 tahun kerana sering terbantut akibat pengkhianatan Komunis. Betapa banyaknya jentolak dan jengkaut yang dibom Komunis pada ketika itu. Malah, sewaktu jalan itu mula dibuka kepada orang awam pada tahun 1989, askar-askar masih berkawal di sepanjang jalan dan orang ramai hanya dibenarkan untuk menyeberang pada waktu siang atas alasan keselamatan. Walaupun kedudukan ayah dalam sejarah panjang melawan Komunis tidaklah sebesar mana, caranya bercerita bagaikan dialah yang duduk semeja dan berunding dengan Chin Peng.

\*\*\*

Memang kita selalu menempel dan menyimpan pelbagai cerita pada jalan. Ayah tidak terkecuali. Jalan, baik yang kecil mahupun besar, yang bertar atau berselut, bagaikan suatu garis masa yang panjang, dan pada titik-titik tertentu yang jarak jedanya tidak menentu, ada ingatan-ingatan yang timbul bagaikan buih-buih yang meletus ditiup angin saat kita melewatinya. Ketika menelusuri sesebuah jalan, kita bagaikan memasuki sebuah muzium hidup yang segala pamerannya berubah-ubah akibat pergeseran antara waktu dengan tempat.

Malahan, ingatan-ingatan yang timbul tidak semestinya atau selalunya ingatan-ingatan yang dikongsi bersama, tetapi ingatan-ingatan yang sangat peribadi sifatnya. Ketika menelusuri jalan rusuk di negeri Kelantan misalnya, kita tidak hanya mengingati cerita tentang para pembesar setempat mempertahankan jajahan masing-masing, tetapi barangkali

bagaimana kita membina jaringan-jaringan antara peribadi yang melampaui batas-batas politik. Di sini kita tahu bahawa jalan tidak hanya menyambungkan satu tempat dengan tempat yang lain, tetapi juga berfungsi sebagai tempat untuk kita membangunkan kehidupan. Kita membina rasa akrab, rasa kesebatian dengan sesebuah jalan. Ia mempermudah manusia untuk mengenali satu sama lain dan menghubungkan kita dengan perkara-perkara yang tidak nampak, yang melatari binaan-binaan yang kita nampak di tepi jalan.

Hanya jalan yang menyambungkan aku dengan ayah, menjentiknya untuk membuka kisah-kisah silam. Walaupun demikian, di sebalik kemampuan jalan untuk merakam pelbagai jenis ingatan, kita sedar bahawa jalan juga adalah seperti pisau bermata dua yang turut menghapuskan pelbagai cerita dan ingatan yang kita rakam sekian lama. Hal ini lebih-lebih lagi dalam dunia moden hari ini yang mengejar kecepatan dan keselesaan. Jika dahulu orang menelusuri denai-denai untuk ke sesuatu tempat, tetapi akibat peredaran masa, denai-denai kemudiannya berubah menjadi jalan-jalan berturap. Kini, untuk mempercepat dan mempermudah perjalanan, kita membina lebuh raya merentasi jalan-jalan kecil yang pernah menjadi sebahagian daripada tempat kita membesar.

Ketika melewati lebuh raya, kita menyaksikan pemandangan alam yang terbina rapi, sekata, dan terpisah daripada pelbagai cerita tentang kehidupan. Apa yang dapat kita lihat di sepanjang jalan dan di sekeliling kita umumnya adalah bukit-bukit yang ditarah dan hutan-hutan yang ditebas dan digantikan dengan ladang-ladang yang lebih memberi keuntungan ekonomi. Tidak seperti jalan raya dua lorong yang menerobos kampung-kampung dan kota-kota tempat kita bermain, kita seakan-akan memasuki sebuah ruang vakum yang terlepas daripada masa. Matlamat kita hanyalah untuk cepat sampai ke tujuan dan kita hanya melambai di pintu-pintu daerah tanda berpeluang untuk masuk menjenguknya. Cerita-cerita kita akhirnya hilang tanpa kubur.



Izzuddin Ramli merupakan seorang penulis, penterjemah, dan penyunting. Beliau menguruskan portal esei Suara Nadi dan mengendalikan audio siar Bual Nusantara.